

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,  
MAHKAMAH TINGGI,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50050 KUALA LUMPUR.

Bil: (20) dlm. JK/MA 38 Jld. III


Tarikh: 22 Februari, 1989

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi/  
Pesuruhjaya Kehakiman,  
Mahkamah Tinggi Malaya.

Penolong Kanan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya.

Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.

Majistret, Mahkamah Majistret,  
Semenanjung Malaysia.



ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 1988  
(Penjelasan)

Terdapat pertanyaan-pertanyaan berhubung dengan pelaksanaan Arahan Amalan No. 5 tahun 1988 dan saya telah diarah memaklumkan bahawa berikut adalah penjelasan-penjelasan mengenainya:

Objektif

Objektif Arahan Amalan yang tersebut di atas adalah untuk memudahkan Pengelasan Kod dan mengurangkan jumlah buku daftar yang perlu dikendalikan.

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980

Perhatian diberi kepada Perintah 4 Kaedah 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 yang memberuntukkan -

"Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis dan kaedah-kaedah ini, prosiding sivil di Mahkamah boleh dimulakan dengan saman, permohonan pemula atau petisyen."

Ini bermakna bahawa Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah adalah terpakai melainkan terdapat peruntukan-peruntukan spesifik berhubung dengan prosedur dalam mana-mana undang-undang tertentu.

Permohonan Pemula - Kod 54 atau Kod 74.

Kod ini hendaklah digunakan bagi perkara-perkara berikut tetapi ditandakan berasingan seperti berikut untuk memudahkan pembahagian kes di Mahkamah -

- Permohonan Pemula - Distress
  - Permohonan Pemula - Sewa-Beli
  - Permohonan Pemula - Nafkah
  - Permohonan Pemula - Pampasan Orang Kerja
  - Permohonan Pemula - Am (semua permohonan yang lain)
- 

Hanya satu buku daftar yang perlu dikendalikan bagi Kod 54 atau 74.

Siasatan Kewanganegaraaan - Kod 57

Memandangkan perkara ini adalah sulit dengan ini Kod yang BARU diperuntukan baginya.

Akta Perlindungan Wanita dan Gadis - Kod 89

Permohonan di bawah Akta ini adalah diklasikan sebagai Permohonan Jenayah di bawah Kod 89.

Tuntutan Tidak Melebihi \$3,000

Tuntutan yang tidak melebihi \$3,000 di Mahkamah Majistret Kelas Satu dahulunya dikelaskan di bawah Kod 89 melalui Arahan Amalan No. 6 Tahun 1985 tetapi telah dimansuhkan dengan adanya Arahan Amalan No. 14 Tahun 1987 bertarikh 29 hb. Disember 1987. Semua kes-kes seperti itu hendaklah diklasikan di bawah Kod 71, 72 atau 73 (mengikut mana yang berkenaan).

Kes-Kes Jenayah

Kes-kes dadah dahulunya diklasikan di bawah Kod 73 atau 93 tetapi telah dimansuhkan berdasarkan Pekeliling Pendaftar (A) No. 3 Tahun 1988 - Penyata-Penyata Kes Mahkamah bertarikh 3 hb. Februari 1988 yang menghendaki semua penyata kes-kes jenayah termasuk kes dadah dibahagi kepada 15 kategori. Bagi memudahkan penyediaan penyata-penyata adalah dicadangkan supaya satu ruangan disediakan dalam buku daftar untuk merekodkan butir-butir yang diperlukan seperti berikut-

Di bawah "Bil. Jenis" nombor kategori yang relevan digunakan seperti yang terters di dalam Borang MS7 dan MM7. "Jumlah Kes" adalah jumlah semasa tiap-tiap kategori kes bagi tiap-tiap bulan.

Jenis-Jenis Kes	
Bil. Jenis	Jumlah Kes
1	1
6	1
1	2
12	1
1	3

Pemindahan Kes-Kes

Perenggan 7.2. Arahan Amalan No. 4 Tahun 1987 memperuntukkan bahawa nombor kes di Mahkamah Tinggi hendaklah dikekalkan dalam kes-kes yang dipindahkan dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Sesyen. Perenggan 4.2 Arahan Amalan No. 5 Tahun 1987 memperuntukkan bahawa Nombor kes di Mahkamah Sesyen hendaklah dikekalkan dalam kes-kes yang dipindahkan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Majistret.

Dalam kedua-dua hal ini tujuannya adalah untuk memudahkan penyediaan penyata yang berasingan berhubung dengan kes-kes sedemikian; mengurangkan kerja-kerja pentadbiran dan kos, dan bagi mengelakkan kekeliruan. Walau bagaimanapun memandangkan adanya Kod yang baru ini, nombor Kod yang baru hendaklah ditambah menurut Arahan Amalan No. 5 Tahun 1988 sekiranya ia belum dilakukan oleh Mahkamah yang membuat pindaan kes.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ZAINAL ABIDIN BIN MOHD. WAZIR)  
Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya.  
Kuala Lumpur.

s.k.

- 1) Y.A.A. Ketua Hakim Negara.
  - 2) Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
  - 3) Y.A.A. Hakim Besar Borneo - Untuk makluman.
  - 4) Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.
  - 5) Y.B. Peguam Negara Malaysia.
  - 6) Ketua Polis Negara.
  - 7) Y.B. Penasihat Undang-Undang Semenanjung Malaysia.
  - 8) Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
  - 9) Pegawai Biro Terjemahan, Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.
  - 10) Pengerusi, Majlis Peguam Malaysia.
  - 11) Managing Editor, Malayan Law Journal,  
3 Senton Way # 14-03, Shenton House, Singapore 0106
  - 12) Malaysian Current Law Journal Sdn. Bhd.,  
Lot No. 12, Ground Floor, Straits Trading Building,  
50700 Kuala Lumpur.
- 
- 13) Perpustakaan, Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.